



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### KEMALANGAN BAS PEKERJA BERHAMPIRAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA), SEPANG SELANGOR

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengesahkan bahawa Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan Hospital Putrajaya (PKPK) telah menerima panggilan pada jam 11:16 malam 7 April 2019 mengenai satu kejadian kemalangan jalanraya melibatkan sebuah bas pekerja di satu lokasi berdekatan MAS Kargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
2. Sejurus menerima panggilan, Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan Hospital Putrajaya (PKPK) telah menyelaraskan pasukan respon di mana Klinik Kesihatan Salak merupakan pasukan pertama yang diaktifkan untuk memberi bantuan ke tempat kejadian, dengan diikuti oleh pasukan respon daripada lain-lain fasiliti berdekatan.
3. Pasukan respon yang terlibat adalah daripada KKM dan dibantu oleh agensi-agensi kecemasan yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Medilife Ambulance (**Lampiran 1**). Ianya telah diketuai oleh Pakar Perubatan Kecemasan Hospital Putrajaya.

4. Mangsa-mangsa kemalangan telah dikejarkan ke Hospital Putrajaya, Hospital Serdang, Hospital Banting dan Hospital Kajang. Jumlah mangsa yang terlibat adalah seramai 44 orang di mana terdapat 11 kematian (9 kematian di tempat kejadian dan 2 kematian di hospital), 11 mangsa dalam keadaan kritikal, 14 mangsa separa kritikal dan 8 kes tidak kritikal (**Lampiran 2**). Buat masa ini, status kewarganegaraan bagi mangsa-mangsa yang terlibat masih dalam peringkat pengesahan pihak berwajib.
  
5. Situasi terkini di hospital-hospital yang terlibat adalah terkawal. Penyiataan punca dan mekanisma kemalangan adalah di bawah bidang kuasa agensi yang berkaitan. Takziah diucapkan kepada mangsa dan keluarga mangsa yang terlibat. Pihak hospital dan petugas Kesihatan akan terus komited dalam meneruskan rawatan kepada mangsa yang terlibat di hospital terbabit. Terima kasih diucapkan kepada semua agensi yang terlibat dalam pengurusan insiden ini. Maklumat terkini keadaan mangsa dan status kewarganegaraan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**8 APRIL 2019 @ 12.00 tengah hari**

## Lampiran 1

### JUMLAH PASUKAN YANG TERLIBAT YANG DIKOORDINASI OLEH PUSAT KOORDINASI PERUBATAN KECEMASAN PUTRAJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	Hospital Putrajaya	2 Pasukan
	Hospital Serdang	1 Pasukan
	Klinik Kesihatan Salak	1 Pasukan
	Klinik Kesihatan Nilai	1 Pasukan
	Klinik Kesihatan Dengkil	1 Pasukan
	Klinik Kuarters KLIA	1 Pasukan
JABATAN BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA	EMRS KLIA	1 Pasukan
	EMRS Putrajaya	1 Pasukan
	EMRS Bangi	1 Pasukan
	EMRS Cyberjaya	1 Pasukan
	EMRS Klang	1 Pasukan
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA	APM Putrajaya	1 Pasukan
	APM Klang	1 Pasukan
SWASTA	MEDILIFE AMBULANCE	1 Pasukan
<b>JUMLAH PASUKAN</b>		<b>15 Pasukan</b>

## Lampiran 2

### KEADAAN PESAKIT YANG DIHANTAR KE HOSPITAL YANG TERLIBAT

BIL	HOSPITAL	Keadaan Mangsa	Jumlah
1	Hospital Putrajaya	Kritikal	7
		Separa Kritikal	5
		Tidak Kritikal	3
		Meninggal di hospital	1
2	Hospital Serdang	Kritikal	3
		Separa Kritikal	5
		Tidak Kritikal	5
		Meninggal di hospital	1
3	Hospital Banting	Kritikal	1
		Separa Kritikal	3
		Tidak Kritikal	0
		Meninggal di hospital	0
4	Hospital Kajang	Kritikal	0
		Separa Kritikal	1
		Tidak Kritikal	0
		Meninggal di hospital	0
<b>Jumlah</b>			<b>35 orang mangsa</b>

**Catatan :**

9 mangsa meninggal di tempat kejadian.

Jumlah mangsa adalah 44 orang